

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN & UKUR**

---

Adalah dengan ini bahawa Thesis ini telah disediakan oleh :-

Nama : **Hamdan Bin Arifin**  
No. K/P ITM : **87699586**

Thesis ini telah dibaca dan disemak oleh :-

Penasihat / Penilai : **En. Amran Bin Abdul Rahman**

.....  
( T.Tangan Penasihat / Penilai )

.....  
( Tarikh )

PENGGUNAAN DEXORASI SENIBINA  
ISLAM DALAM  
SENIBINA MASJID DI MALAYSIA

Thesis ini telah dihantar kepada Jabatan Senibina,  
Institut Teknologi MARA sebagai memenuhi syarat mata pelajaran  
ARC - 431 ( History of Architecture )

Thesis ini telah disediakan oleh :-

**Hamdan Bin Arifin**

**87699586**

**Diploma Senibina**

**Tahun 04 / Semester 08**

**Jan - Jun 1992**

**Kajian Senibina Perancangan & Ukur**

**Institut Teknologi MARA**

**Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

Senigan Kujukan & Pengalihmakaan Penyataan  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Institut Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

# *Isikandungan*

*mukasurat*

## *Pengenalan*

1

## *Bab 1 :*

- Pengertian Masjid	4
- Masjid-masjid Terawal Di Dunia	5
- Senibina Islam	8

## *Bab 2 :*

- Masjid-masjid Awal Mempunyai Dekorasi	20
- Hiasan Arabesque	22
- Bentuk-bentuk Geometri	26
- Asas Pola Bentuk Geometri	30

## *Bab 3:*

- Pengaruh Senibina Tradisi Dan Serantau	37
- Masjid-masjid di Luar Pengaruh Tradisi	
- Masjid Terawal Di Semenanjung Malaysia	36

## *Bab 4 :*

- Perkembangan Pengaruh Islam	39
- Penggunaan Dekorasi Masa Kini	42
- Penggunaan Bahan-bahan Baru	45

## *Kesimpulan*

50

## *Pengenalan*

Seperti yang telah diketahui umum, batas sejarah senibina Islam itu terlalu luas. Ia merangkumi senibina pelbagai bangsa dan kebudayaan. Namun demikian dunia Islam telah berjaya menghasilkan satu gaya senibina yang mempunyai identiti dan sesuai digunakan di mana-mana dan dalam apa saja bentuk kebudayaan. Hasilnya senibina Islam masa kini didapati di seluruh dunia di mana ia telah lama berkembang sejajar dengan perkembangan agama Islam itu sendiri.

Dekorasi adalah merupakan elemen penting dalam senibina kerana ia berperanan menonjoikan ciri-ciri senibina Islam itu sendiri. Secara khususnya kajian lebih menekankan kepada jenis-jenis dekorasi yang digunakan dalam senibina Islam dan skop kajian ditumpukan kepada penggunaan pola bentuk geometri dan hiasan Arabesque. Dekorasi ini didapati semakin mengambil alih dekorasi tempatan, contohnya seniukir terutamnya pada senibina masjid di negara ini.

Masjid terawal yang masih kekal di negara ini iaitu Masjid Kampung Laut, didapati menggunakan senibina tempatan sepenuhnya dari bentuk bangunan, bumbung hingga ke dekorasi dalaman yang mana secara keseluruhannya menggunakan dekorasi seniukir termasuklah penggunaan pada mimbarnya. Pada masa terbinanya masjid ini, kira-kira 250 tahun yang lalu, penduduk tempatan pada dasarnya telah menerima ajaran Islam tetapi belum begitu serasi dengan senibina Islam yang belum digunakan dengan begitu meluas di negara ini.

Pengaruh Islam terus tersebar di dalam negeri-negeri di tanah Melayu dan secara beransur-ansur pengaruh senibina Islam mula diterapkan pada bangunan-bangunan tempatan terutamanya masjid-masjid. Perubahan terus berlaku dan lebih ketara lagi ialah perubahan pada bangunan masjid di mana rupabentuk bangunannya semakin menyerupai senibina Timur Tengah di mana ia merupakan pusat berkembangnya ajaran dan senibina Islam.

Hingga ke hari ini didapati penggunaan senibina Islam pada masjid-masjid di Malaysia begitu ketara sekali dan sesetengah daripadanya menggunakan dekorasi dari senibina Islam yang seolah-olah mengikuti kesesuaian dengan budaya dan senibina tempatan.

Penggunaan bahan-bahan baru juga diperkenalkan dalam dekorasi tersebut sesuai dengan teknologi masa kini yang berupaya memanfaatkan penggunaan bahan-bahan tertentu dengan sebaik mungkin.

Untuk mencapai matlamat kajian ini, maka pemilihan skop kajian telah dibuat dengan penyediaan terhadap bangunan-bangunan masjid di sekitar Lembah Klang. Masjid-masjid yang terlibat ialah Majid Jamek, Masjid Negara di Kuala Lumpur, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (masjid negeri) di Shah Alam Selangor dan juga Masjid Sultan Sulaimen di Klang. Pemilihan kajian masjid-masjid yang terdapat di Lembah Klang ini adalah kerana memandangkan kawasan tersebut merupakan pusat tumpuan orang ramai dari setiap negeri di serata Malaysia yang sudah tentunya membawa berbagai pengaruh dan